

 An agency under MOSTI	Country	Malaysia
	Publication	Malaysian Review Blogezine
	Date	16 January 2015
	Website URL	http://goo.gl/SvJlty
	PR Value	RM4,500



Harian Metro * myMetro Terima Anugerah



Akhbar Harian Metro Online dan juga myMetro Facebook Online * myMetro

Kuala Lumpur: Akhbar Harian Metro menerima Anugerah Media Percetakan Yang Paling Menyokong bagi kategori akhbar Media Paling Menyokong CyberSecurity Malaysia 2014 di sini, sebentar tadi.

Anugerah berkenaan disampaikan Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah kepada Pengarang Eksekutif Berita dan Hal Ehwal Semasa [Harian Metro](#) Shariffuddin Mohamed.

Turut menerima anugerah adalah Kumpulan Media Prima Berhad bagi kategori Syarikat Media Paling Menyokong dan New Straits Times Dalam Talian untuk kategori Media Atas Talian Yang Paling Menyokong.

Bagi Anugerah Media Penyiaran Yang Paling Menyokong pula, dua penerima adalah TV1 RTM bagi kategori penyiaran dan BERNAMA Radio 24 kategori radio.

Sementara itu, Computerworld Malaysia turut menerima Anugerah Media Percetakan Paling Menyokong bagi kategori majalah terbitan berkala. myMetro

Sebelum kehadiran Harian Metro, terdapat di kalangan penyokong media sudah merasakan perlunya ada sebuah [akhbar](#) harian petang berbahasa Melayu di Lembah Klang. Walau bagaimanapun, ia masih tidak menjadi kenyataan sehinggalah Kumpulan New Straits Times Press menyahut cabaran itu. Akhbar petang pertama Malaysia berbentuk tabloid dilancarkan pada 25 Mac 1991 dengan pesanan cetakan awal 30,000 sehari.

Sejak itu, [Harian Metro](#) diterbitkan enam hari seminggu (Isnin hingga Sabtu) oleh Berita Harian Sdn Bhd. Pada 25 Mac 1992, Harian Metro melancarkan edisi selatannya di Johor Bahru. Edisi selatan itu diterbitkan sebagai tabloid pagi. Pesanan cetakan pertama di kilang New Straits Times Press di Senai ialah 15,000.

Metro Ahad

Sejak itu, Harian Metro memperkembangkan sayapnya ke seluruh negara dengan mewujudkan edisi utara dan timur untuk memenuhi selera tempatan. Harian Metro mencatatkan jualan tertingginya iaitu 390,019 naskhah pada 31 Oktober 2009. Penerbitan Harian Metro menjadi lengkap apabila ia mengeluarkan edisi Ahadnya, iaitu Metro Ahad pada 20 Ogos 1995 dengan keluaran pertama mencatat 100,003 naskhah. Metro Ahad mencatat jualan tertingginya sebanyak 433,480 naskhah pada 8 November 2009.